

2 MAR 1996

Ramli - Rumah

PERAK TINGKAT SISTEM PENGUMPULAN MAKLUMAT RUMAH KOS RENDAH

IPOH, 2 Mac (Bernama) -- Kerajaan negeri akan mempertingkatkan sistem pengumpulan maklumat pemohon rumah kos rendah yang kini hanya ditumpukan di peringkat daerah agar ia dapat diselaraskan dengan sistem rangkaian pendaftaran secara berpusat.

Menteri Besar Tan Sri Ramli Ngah Talib berkata pejabat setiausaha kerajaan negeri akan diarah memastikan pendaftaran rumah kos rendah dijalankan dengan lebih tersusun dan dapat disalurkan ke rangkaian pendaftaran berpusat di peringkat negeri dan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Pendaftaran itu perlu dikemaskinikan setiap tahun memandangkan kedudukan ekonomi sesebuah keluarga mungkin berubah dengan adanya pelbagai projek perindustrian dan pembasmian kemiskinan yang dapat mempertingkatkan taraf hidup mereka, katanya kepada pemberita selepas menghadiri perjumpaan tidak formal dengan ketua-ketua Umno bahagian di kediamannya di sini semalam.

Katanya, permintaan rumah kos rendah di Perak bukan sahaja dapat dipenuhi dengan projek-projek pembinaan rumah kos rendah malahan projek kampung tersusun.

Bagaimanapun kerajaan negeri akan mengurangkan projek kampung tersusun ini kerana mendapati ramai yang diberikan tanah tidak mengerjakannya dan terdapat tanah terbiar, katanya.

Ramli berkata kerajaan negeri juga mendapati projek kampung tersusun yang sedia ada tidak dapat dibangunkan dengan bersepadu kerana tiadanya pembangunan infrakstruktur yang teratur.

Katanya Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang akan melancarkan upacara pecah tanah projek pembinaan kilang kedua kereta nasional, Proton di Lembah Bernam pada 23 Mac ini akan disambut oleh kira-kira 30,000 penduduk negeri dalam acara gilang gemilang.

Katanya, Dr Mahathir yang dijangka mengadakan lawatan sehari ke Perak akan dibawa melawat pusat peranginan di Diamond Creek berdekatan dengan projek Proton itu serta projek pembangunan bersepadu di Bukit Merah di utara negeri ini. -- BERNAMA

HK CR